

UiTM, UM terima Naib Canselor baharu

Oleh [Essa Abu Yamin](#) - November 2, 2023 @ 6:11pm
essabuyamin@bh.com.my



Shahrin Sahib @ Sahibudin (kanan) menerima surat pelantikan sebagai Naib Canselor UiTM yang baharu daripada Mohamed Khaled Nordin - Foto ihsan KPT

KUALA LUMPUR: Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Malaya (UM) menerima Naib Canselor baharu, manakala khidmat Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) disambung semula.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam kenyataan memaklumkan, bekas Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Prof Datuk Dr Shahrin Sahib @ Sahibudin dilantik sebagai Naib Canselor ketujuh UiTM menggantikan Prof Datuk Dr Roziah Mohd Janor yang bersara wajib pada 12 Oktober lalu.

Pelantikan Shahrin berkuat kuasa semalam dibuat menerusi penyerahan surat tatacara pelantikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, di pejabatnya, semalam.

Shahrin seorang yang berpengalaman luas dalam bidang akademik serta penyelidikan dan mempunyai kredibiliti untuk memberikan perkhidmatan cemerlang.

Shahrin berpengalaman luas dalam bidang akademik dan penyelidikan serta pengantarabangsaan pendidikan tinggi pernah menjawat jawatan-jawatan penting sebelum ini.

Antaranya ialah Naib Canselor UTeM (2014-2019) dan Ahli Lembaga Pengarah di Governing Board of Islamic University of Technology (IUT), Bangladesh.



NooR Azuan Abu Osman (kanan) menerima surat pelantikan sebagai Naib Canselor UM yang baharu daripada Mohamed Khaled Nordin. - Foto ihsan KPT

Sementara itu, KPT turut mengumumkan pelantikan Prof Datuk Seri Dr Noor Azuan Abu Osman sebagai Naib Canselor Universiti Malaya (UM) yang baharu menggantikan Prof Datuk Dr Mohd Hamdi Abd Shukor.

"Noor Azuan seorang pakar biomekanik adalah mantan Naib Canselor Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) serta penerima Anugerah Akademik Negara (AAN) kali ke-14 (Kategori Inovasi dan Pengkomersialan Produk).

"Ketika berkhidmat sebagai Dekan Fakulti Kejuruteraan UM, beliau telah menjulang fakulti terbabit menjadi antara sepuluh terbaik di dunia," katanya.

Dalam kenyataan yang sama, KPT turut menyatakan bahawa Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin dilantik semula sebagai Naib Canselor UMPSA bagi tempoh satu tahun berkuat kuasa 1 November 2023 hingga 31 Oktober 2024.

Katanya, pelantikan semula berkenaan bagi membolehkan Yuserrie meneruskan perancangan untuk memacu UMPSA sebagai sebuah universiti teknikal yang berteraskan teknologi dan kejuruteraan khususnya dalam melahirkan graduan berkemahiran tinggi bagi memenuhi kehendak industri..